

19/08/1997

Pembangunan terancang (HL)

Amirullah Andi Nur

MIRI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menolak anggapan sesetengah pihak kononnya ekonomi negara sudah terlalu panas menjelaskan, Malaysia perlu dibangunkan dengan lebih pantas untuk memberikan rakyat segala peluang menikmati taraf hidup lebih tinggi serta mengejar negara maju.

"Kita perlu bergerak pantas dan cepat. Jika kita lambat, kita tidak akan dapat mengejar mereka dan jurang akan bertambah besar dan selamanya, kita akan ketinggalan," katanya.

Perdana Menteri, yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak mulai hari ini berkata, Malaysia sebelum ini ketinggalan jauh akibat penjajahan.

"Ini bukan keadaan yang terlampau panas, ini adalah pembangunan terancang," katanya pada majlis pecah tanah bangunan Pusat Kebudayaan Miri, di sini hari ini.

Beberapa media asing menyifatkan antara sebab defisit perdagangan dan kejatuhan nilai ringgit yang dihadapi negara kebelakangan ini kerana pelaksanaan terlalu banyak projek mega.

Malaysia mencatatkan defisit perdagangan RM2.8 bilion pada Jun tahun ini berbanding lebih RM156.2 juta pada Mei. Pada enam bulan pertama tahun ini, negara mencatatkan defisit RM2.7 bilion berbanding defisit RM687.8 juta pada tempoh yang sama tahun lalu.

Jabatan Perangkaan menyebut, defisit pada Jun itu disebabkan oleh pembelian kapal dan kapal tangki (termasuk kapal tangki gas asli cecair) dan pesawat komersil, yang secara kumpulan bernilai RM2.2 bilion atau 11.4 peratus daripada keseluruhan import.

Bagaimanapun badan penarafan terkemuka antarabangsa, Standard & Poor's (S&P), hari ini memperkukuh penarafan jangka panjang mata wang asing Malaysia kepada 'A+' dan mata wang tempatan kepada 'AA+'.

Serentak itu, S&P menyemak semula dan meningkatkan penarafan jangka pendek yang diberikannya kepada Malaysia menjadi 'A-1+' yang mencerminkan kekukuhan negara menunaikan komitmen kewangannya.

S&P dalam kenyataan berkata, penarafan itu mencerminkan kejayaan Malaysia mengekalkan pengurusan ekonominya yang baik menerusi pendekatan belanjawan berimbang.

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan tidak berminat membina tugu peringatan apabila membina bangunan tinggi dan projek besar. Apa yang dilaksanakan ialah pembangunan bagi mempertingkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan selesa seperti tempat perlindungan, makanan dan pakaian.

"Negara Barat mempunyai bandar raya baik yang dimajukan dalam masa beratus tahun tetapi apabila kita melakukannya, mereka kata pembangunan negara kita terlalu pantas, terlalu bercita-cita tinggi, hidup melebihi kemampuan yang dimiliki dan tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk tujuan itu.

"Mengapa orang begini mengkritik kita sedangkan kita hanya mahu menyediakan rakyat satu kehidupan yang baik? Mereka kata kita bina projek mega. Saya tidak tahu kenapa mereka panggil projek mega. Ianya bukan projek besar. Kenapa mereka mesti dengki," katanya sambil menjelaskan usaha pembangunan besar-besaran sekarang bukan satu pembaziran.

Perdana Menteri mahu rakyat bekerja kuat untuk bersaing dengan negara yang lebih maju.

"Kita mungkin tidak dapat mengejar mereka dengan kelajuan yang sama

kerana mereka lebih laju. Untuk lari laju dengan kadar kelajuan rendah, sudah tentu kita akan ketinggalan jauh.

"Jadi kalau nak mendahului mereka, kita kenalah lari lebih laju daripada mereka," katanya.

Beliau menyifatkan, projek pembangunan dilaksanakan di seluruh negara dengan kren menara yang dapat dilihat dengan mudah di mana-mana saja termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Kren menara adalah simbol pembangunan yang sangat pesat dan ada orang mencadangkan kepada saya agar ia dijadikan simbol negara," katanya berseloroh.

(END)